

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]

TARIKH : 11 JUN 2015

RUJUKAN : 7947

SOALAN:

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) Apakah kriteria atau syarat utama Kerajaan meluluskan lesen syarikat kawalan keselamatan di negara ini; dan
- (b) Apakah bentuk tindakan yang diambil atas kegagalan pemegang lesen tersebut yang melanggar syarat yang ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Menteri Dalam Negeri diperuntukkan kuasa untuk mengeluarkan lesen kawalan keselamatan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Antara syarat-syaratnya ialah:

- 1. Perancangan perniagaan bersama biodata pemegang saham dan ahli lembaga pengarah syarikat;**
- 2. Salah seorang pemegang saham terdiri daripada sekurang-kurangnya bekas pegawai tinggi Polis DiRaja Malaysia atau Angkatan Tentera DiRaja Malaysia yang berpangkat sekurang-kurangnya Asisten Komisioner Polis (ACP) ATAU Kolonel ATAU bekas pegawai awam dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berpangkat sekurang-kurangnya gred 52;**
- 3. Mempunyai modal berbayar RM300,000.00; dan**
- 4. Pegangan saham syarikat dimiliki oleh Bumiputra sebanyak 70%.**

Selain itu, setiap pemohon juga diwajibkan menghadiri temuduga oleh Kementerian dan lulus tapisan keselamatan oleh pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, saya ingin tegaskan di sini bahawa mana-mana syarikat yang tidak mematuhi apa-apa peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), tindakan tegas seperti pemberian Surat Peringatan, Amaran Terakhir, penggantungan lesen dan pembatalan lesen akan dikenakan ke atas syarikat.